

Amalan Nilai Murni Di Kalangan Pelajar: Satu Kajian Di Terengganu Darul Iman

oleh

**Ab.Rahman Bin Mahmud
Amidin Bin Zin
Jabatan Pendidikan
Maktab Perguruan Kuala Terengganu**

ABSTRAK

Beberapa pengaruh negatif yang dihadapi oleh pelajar pada masa kini. Antaranya pengaruh media massa dan gejala negatif lain. Jika pelajar tidak mempunyai ketahanan diri, pengaruh ini akan menyebabkan masalah kemerosotan amalan nilai murni di kalangan pelajar. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengkaji tahap amalan nilai murni di kalangan pelajar. Beberapa komponen lain juga dilihat dalam kajian ini antaranya trait-trait utama amalan nilai murni dan perbandingan amalan nilai murni di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan. Subjek kajian terdiri daripada 448 orang pelajar tingkatan 4 dari 12 buah sekolah menengah di negeri Terengganu Darul Iman (175 pelajar lelaki dan 273 pelajar perempuan). Kajian ini dilakukan dalam masa 4 bulan dan antara dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa tahap amalan nilai murni di kalangan pelajar masih lagi di tahap sederhana. Selain itu, terdapat 7 nilai amalan di tahap rendah di kalangan pelajar lelaki dan 5 di kalangan pelajar perempuan. Beberapa cadangan dikemukakan bagi meningkatkan amalan nilai murni; antaranya melalui pendekatan pengajaran dan pembelajaran, dan kerjasama sosial.

1. PENGENALAN

Kemerosotan disiplin di kalangan pelajar sering menjadi topik perbualan dan disiarkan dalam akhbar-akhbar. Pelajar-pelajar kini, khasnya di peringkat sekolah menengah kurang mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Jika masalah ini gagal diatasi, ia akan menjadi satu sindrom yang serius. Apatah lagi sejak kebelakangan ini, muncul kumpulan “black metal” dan keruntuhan akhlak di kalangan pelajar.

Oleh itu, kajian ini cuba melihat setakat manakah amalan nilai-nilai murni di kalangan pelajar tingkatan 4, sebagai mewakili kumpulan pelajar di sekolah menengah.

2. PERNYATAAN MASALAH

Ada beberapa faktor yang mendorong kajian ini dilakuakan. Antaranya ialah:

1. Kewujudan beberapa gejala sosial di kalangan pelajar
2. Pengaruh media massa dan elektronik terhadap pelajar
3. Masalah disiplin yang dihadapi oleh setiap sekolah
4. Kemerosotan disiplin, satu tanggapan negatif terhadap alam persekolahan di kalangan pelajar

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan:

1. Membandingkan tahap amalan nilai murni di antara pelajar lelaki dan perempuan
2. Mengenalpasti 10 sub- nilai murni amalan di peringkat tinggi di kalangan pelajar lelaki dan perempuan
3. Mengenalpasti 10 sub-nilai murni amalan di peringkat rendah di kalangan pelajar lelaki dan perempuan
4. Melihat trait-trait utama amalan nilai murni berdasarkan rank-order atau rank-sum.

4. KESIGNIFIKAN KAJIAN

Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan terhadap:

1. Pembentukan program nilai murni di kalangan pelajar seperti kem motivasi, Jati diri dan pelajar berwawasan.
2. Pembentukan disiplin yang mantap di sekolah-sekolah
3. Melakukan program pembentukan jati diri di kalangan remaja lepasan sekolah
4. Membentuk budaya positif terhadap alam persekolahan

5. SUBJEK KAJIAN

Subjek kajian terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan 4 dari 12 sekolah menengah di negeri Terengganu. 2 buah sekolah menengah mewakili setiap daerah di negeri Terengganu. Pemilihan subjek kajian dan sekolah kajian dilakukan secara rawak; dan diadakan perbincangan dengan Jabatan Pendidikan Terengganu (Lihat jadual 5.1)

JADUAL 5.1: SEKOLAH KAJIAN

KOD SEK.	SEKOLAH (SMK)	N	%
1	PENARIK, SETIU	40	8.9
2	MATANG , HULU TERENGGANU	46	10.3
3	TG, AMPUAN ZAHARAH, DUNGUN	40	8.9
4	CHUKAI , KEMAMAN	41	9.2
5	NASIRUDDIN SHAH, BESUT	24	5.4
6	SULTAN SULAIMAN , KUALA TRG	44	9.8
7	TG. IBRAHIM , SETIU	31	6.9
8	TG. MAHMUD, BESUT	32	7.1
9	SULTAN ISMAIL , KEMAMAN	28	6.3
10	TG. AMPUAN INTAN, HULU TRENG.	49	10.9
11	PADANG MIDIN, K. TRG	43	9.6
12	SULTAN OMAR, DUNGUN	30	6.7
JUMLAH		448	100 %

Subjek kajian terdiri daripada 448 orang pelajar tingkatan 4 (Lelaki = 175 orang dan Perempuan = 273 orang) , yang mewakili 12 buah sekolah menengah di Terengganu. Subjek kajian diambil sebanyak 20% daripada seluruh populasi pelajar tingkatan 4 di sekolah-sekolah kajian. Subjek kajian juga dipilih berdasarkan populasi pelajar lelaki dan perempuan di setiap sekolah kajian (Jadual 5.2)

JADUAL 5.2: SUBJEK KAJIAN BERDASARKAN JANTINA

KOD SEKOLAH	LELAKI %	PEREMPUAN %	N
1	14 (35)	26 (65)	40
2	2 (4.3)	49 (95.7)	46
3	20 (50)	20 (50)	40
4	17 (41.5)	24 (58.8)	41
5	13 (54.2)	11 (45.8)	24
6	19 (43.2)	25 (56.8)	44
7	7 (22.6)	24 (77.4)	31
8	17 (53.1)	15 (46.9)	32
9	15 (53.6)	13 (46.4)	28
10	27 (55.1)	22 (44.9)	49
11	16 (37.2)	27 (62.8)	43
12	8 (26.7)	22 (73.7)	30
JUMLAH		175	273
JUMLAH			448

6. INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan soal-selidik amalan nilai murni sebagai alat ukur utama.. Soal-selidik amalan nilai murni dibina berdasarkan 16 nilai murni yang terkandung dalam KBSM. Daripada 16 nilai murni utama dipecahkan kepada 56 sub-nilai murni.

Soal-selidik ini dijawab oleh semua subjek kajian. Sebelum subjek kajian menjawab soalan, pasukan penyelidik akan **memberi penjelasan yang mantap** tentang **konsep setiap tahap amalan**. Penjelasan ini bertujuan supaya subjek kajian dapat membuat tafsiran sendiri tentang amalan di peringkat jarang diamalkan (1 mata), Kadangkala (2 mata), Seringkali (3 mata), selalu (4 mata) dan setiap masa diamalkan (5 mata). Subjek kajian diberi masa yang mencukupi untuk membuat tindak balas. Ini bertujuan memberi ruang masa secukupnya kepada subjek kajian menilai amalan mereka terhadap pernyataan dalam soal-selidik (Lihat jadual 6.1)

**JADUAL 6.1: KEDUDUKAN SOALAN DALAM
SOAL-SELIDIK AMALAN NILAI MURNI**

BIL	NILAI MURNI UTAMA	SOALAN	PECAHAN SUB-NILAI
1.	BAIK HATI	01 17 31 42 49	Belas kasihan Bertimbang rasa Murah hati Saling faham – memahami Sedia memaafkan
2.	BERDIKARI	02 18 32 43	Bertanggungjawab Berupaya bertindak sendirian Jaya diri Yakin pada diri
3.	HEMAH TINGGI	03 19 33	Bersopan santun Mengaku kesalahan diri Ramah mesra
4.	HORMAT – MENGHORMATI	04 20 34 44 50 53 55 56	Hormat dan taat ibu bapa Menghormati orang lain Hormat raja dan negara Hormat pelbagai adat resam Patuh undang – undang Menepati masa Menghargai kebijaksanaan Menghargai tenaga pekerja
5.	KASIH SAYANG	05 21 35 45	Sayangkan nyawa Sayangkan alam sekitar Sayangkan negara Cintakan keamanan

6.	KEADILAN	06 22	Berlaku adil Saksama
7.	KEBEBAKSAN	07	Bebas disisi undang – undang
8.	KEBERANIAN	08 23	Bersedia menghadapi cabaran Berani kerana benar
9.	KEBERSIHAN FIZIKAL & MENTAL	09 24 36 46	Kebersihan diri Kebersihan alam sekitar Kebersihan tutur kata / kelakuan Kebersihan pemikiran
10.	KEJUJURAN	10 25 37	Amanah Bercakap benar Ikhlas
11.	KERAJINAN	11 26 38 47 51	Kecekalan hati Ada inisiatif Berdidikasi Kegigihan Ketekunan
12.	KERJASAMA	12 27 39 48 52 54	Persaudaraan Tanggungjawab bersama Gotong – royong Toleransi Kebaikan bersama Perpaduan
13.	KESEDERHANAAN	13 28	Berjimat – cermat Sederhana pertuturan / kelakuan
14.	KESYUKURAN	14 29 40	Berterima kasih Mengenang budi Menghargai jasa
15.	RASIONAL	15	Berpemikiran rasional membuat pertimbangan
16.	SEMANGAT KEJIRANAN	16 30 41	Maufakat Hidup berjiran Peka isu – isu semasa

7. PENGUMPULAN DAN PENGANALISISAN DATA

Pengumpulan data akan dilakukan program SPSS bagi mencari min, kekerapan, dan peratusan berdasarkan mata skala bagi setiap tahap amalan nilai murni.

Pengkaji akan mengenal pasti tahap amalan pada setiap nilai murni yang dikaji.

8. PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

TUJUAN I: Perbandingan amalan nilai murni di antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan

Selepas dianalisis, dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa min amalan nilai murni di kalangan pelajar perempuan lebih baik daripada min lelaki. Pelajar perempuan menunjukkan min yang tinggi dalam sembilan item dari 16 nilai murni utama. Item-item itu ialah bagi nilai hormat-menghormati, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kesederhanaan dan semangat kejiranran.

Ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan di sekolah-sekolah kajian lebih baik amalan 9 nilai itu berbanding dengan pelajar lelaki.

Pelajar lelaki hanya menguasai min tertinggi dalam 5 nilai sahaja iaitu nilai baik hati, berdikari, kasih saying, kerjasama dan kesyukuran.

Sementara dalam 2 nilai lain iaitu nilai berhemah-tinggi dan keadilan, min yang diperolehi adalah sama (Lihat jadual 8.1).

JADUAL 8.1: PERBANDINGAN MIN SKOR ANTARA JANTINA DALAM 16 NILAI MURNI UTAMA

BIL	NILAI	MIN LELAKI	MIN PEREMPUAN
1	BAIK HATI	3.29	3.28
2	BERDIKARI	2.86	2.85
3	HEMAH -TINGGI	3.47	3.47
4	HORMAT- MENGHORMATI	3.76	3.94
5	KASIH- SAYANG	3.14	3.11
6	KEADILAN	3.32	3.32
7	KEBEBAKSAN	3.77	3.95
8	KEBERANIAN	3.73	3.79
9	KEBERSIHAN FIZIKAL DAN MENTAL	3.52	3.89
10	KEJUJURAN	3.35	3.65
11	KERAJINAN	3.28	3.42
12	KERJASAMA	3.25	3.09
13	KESEDERHANAAN	3.86	4.01
14	KESYUKURAN	3.86	3.01
15	RASIONAL	2.65	3.31
16	SEMANGAT KEJIRANAN	3.24	3.31

TUJUAN II: Amalan nilai murni di kalangan pelajar secara rank-order

Pada keseluruhannya dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan min amalan nilai murni di kalangan pelajar lelaki dan perempuan tidak mempunyai perbezaan yang ketara.

Berdasarkan 16 nilai murni utama, subjek kajian di negeri Terengganu Darul Iman mengamalkan 2 nilai murni di peringkat selalu diamalkan iaitu nilai kesyukuran (min 4.28) dan berhemah tinggi (min 4.14). Sementara dalam 14 nilai murni yang lain diamalkan peda peringkat seringkali sahaja (Lihat jadual 8.2)

JADUAL 8.2: MIN SKOR SUBJEK KAJIAN TERHADAP 16 NILAI MURNI (SECARA RANK-ORDER)

BIL	NILAI	MIN
1	KESYUKURAN	4.28
2	HEMAH- TINGGI	4.14
3	KEBEBASAN	3.88
4	HORMAT MENGHORMATI	3.74
5	KEJUJURAN	3.46
6	SEMANGAT KEJIRANAN	3.38
7	KESERDAHANAAN	3.35
8	KEBERANIAN	3.30
9	KEBERSIHAN FIZIKAL DAN MENTAL	3.17
10	BAIK- HATI	3.02
11	KERJASAMA	2.96
12	KERAJINAN	2.94
13	RASIONAL	2.87
14	KEADILAN	2.45
15	BERDIKARI	1.97
16	KASIH SAYANG	1.77

TUJUAN III: Mengenalpasti 10 sub-nilai murni amalan peringkat tinggi di kalangan pelajar lelaki

Setelah dianalisis data, pengkaji juga melihat 10 sub-nilai murni amalan di peringkat tinggi di kalangan pelajar lelaki. Dari 56 sub-nilai murni yang dikaji, dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa min skor sub-nilai kebersihan diri (min= 4.22) di kalangan pelajar lelaki lebih tinggi berbanding dengan min skor sub-nilai murni lain dan diikuti dengan sub-nilai sayangkan negara (min skornya 4.15) .

Ini menunjukkan bahawa , dua sub-nilai itu menjadi amalan setiap masa di kalangan pelajar lelaki. Sub-nilai ini berada dalam nilai kebersihan fizikal dan mental, dan nilai kasih saying (Lihat jadual 8.3)

JADUAL 8.3: 10 SUB- NILAI MURNI AMALAN PERINGKAT TINGGI DI KALANGAN PELAJAR LELAKI

BIL	SUB NILAI	MIN	MIN PEREMPUAN
1	KEBERSIHAN DIRI (F & M)	4.22	4.63
2	SAYANGKAN NEGARA (KS)	4.15	4.49
3	HARGAI TENAGA KERJA (HM)	4.13	4.20
4	BERTERIMA KASIH (SYU)	4.12	4.38
5	BERANI KERANA BENAR (B)	4.11	4.31
6	BERSOPAN SANTUN (HT)	4.07	4.18
6	SAKSAMA (ADIL)	4.07	4.27
7	MENEPATI MASA (HM)	3.94	4.31
8	KEGIGIHAN (RAJIN)	3.88	3.82
9	MENGHARGAI JASA (SY)	2.78	

TUJUAN IV: Mengenalpasti 10 sub-nilai murni amalan peringkat tinggi di kalangan pelajar perempuan

Jika dilihat di kalangan pelajar perempuan pula, min skor yang tertinggi terdapat dalam sub-nilai kebersihan diri (min 4.63), diikuti dengan sub-nilai sayangkan negara (min 4.49) dan seterusnya sub-nilai terima kasih, minnya 4.38.

Berdasarkan 10 sub-nilai murni amalan peringkat tinggi di kalangan pelajar lelaki dan perempuan, dapat dirumuskan mereka sama-sama mengamalkan dua nilai yang dinyatakan itu sementara nilai ketiga dan seterusnya mereka mula mengamalkan nilai yang berlainan (Lihat jadual 8.4)

JADUAL 8.4: 10 SUB-NILAI MURNI AMALAN PERINGKAT TINGGI DI KALANGAN PELAJAR PEREMPUAN

BIL	SUB NILAI	MIN PEREMPUAN	MIN LELAKI
1	KEBERSIHAN DIRI (FM)	4.63	4.22
2	SAYANGKAN NEGARA (KS)	4.49	4.15
3	TERIMA KASIH (SYU)	4.38	4.12
4	BERANI KERANA BENAR (B)	4.31	4.11
4	MENEPATI MASA (HM)	4.31	3.94
5	SAKSAMA (ADIL)	4.27	4.07
6	BERSIH ALAM SEKIATAR (FM)	4.21	3.60
6	HARGAI BIJAKSANA (HM)	4.21	3.75
7	HARGAI TENAGA PEKERJA (HM)	4.20	4.13
8	HORMAT ORANG LAIN (HM)	4.18	3.93

TUJUAN V: Mengenalpasti 7 sub-nilai murni amalan di peringkat rendah

Dari 7 sub-nilai yang ditinjau, didapati amalan di peringkat rendah di kalangan pelajar lelaki ialah nilai bertanggungjawab, sayangkan nyawa, tanggungjawab bersama. Sementara di kalangan pelajar perempuan pula, min skor yang terendah berada dalam nilai sayangkan nyawa (min= 1.51) dan bertanggungjawab, minnya 2.01.

Jika dilihat dari segi 16 nilai utama, 4 nilai utama yang jarang diamalkan oleh subjek kajian ini iaitu nilai bertanggungjawab, kerajinan, rasional dan nilai kasih saying. Oleh yang demikian, perlu dilakukan beberapa program susulan untuk meningkatkan nilai-nilai ini di kalangan pelajar (Lihat jadual 8.5)

JADUAL 8.5: 7 SUB-NILAI MURNI PERINGKAT RENDAH DI KALANGAN SUBJEK KAJIAN

BIL	SUB NILAI	MIN LELAKI	MIN PEREMPUAN
1	BERTANGGUNGJAWAB (B)	1.91	2.01
2	SAYANGKAN NYAWA (KS)	2.18	1.51
3	TANGGUNGJAWAB BERSAMA (KS)	2.38	2.84
4	FIKIR RASIONAL (R)	2.65	3.01
5	JAYA DIRI (BERDIKARI)	2.70	2.79
5	CEKAL HATI (K RAJIN)	2.70	3.09
6	ADA INISIATIF (R)	2.71	2.81

TUJUAN VI: Perbandingan amalan 16 nilai murni antara subjek kajian berdasarkan ranking

Dari segi amalan 16 nilai murni secara ranking, dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa amalan pelajar lelaki dan pelajar perempuan sama bagi tiga nilai teratas iaitu nilai kesyukuran, kebebasan dan hormat-menghormati.

Bagi nilai yang ke-empat barulah keadaan yang berbeza. Bagi pelajar lelaki, amalan nilai keberaniam, sementara pelajar perempuan mengamalkan nilai kebersihan fizikal dan mental.

Amalan 16 nilai murni yang berbeza di kalangan pelajar lelaki dan perempuan adalah sesuatu yang dijangkakan kerana faktor lokasi dan jantina turut mempengaruhi amalan nilai murni (Lihat jadual 8.6)

JADUAL 8.6: PERBANDINGAN AMALAN 16 NILAI MURNI SECARA

RANKING DI KALANGAN SUBJEK KAJIAN

BIL	NILAI	LELAKI	PEREMPUAN
1	BAIK HATI	9	11
2	BERDIKARI	14	15
3	HEMAH -TINGGI	6	7
4	HORMAT	3	3
5	KASIH SAYANG	13	12
6	KEADILAN	8	7
7	KEBEBA SAN	2	2
8	KEBERANIAN	4	5
9	FIZIKAL DAN MENTAL	5	4
10	KEJUJURAN	7	6
11	KERAJINAN	10	8
12	KERJASAMA	11	13
13	KESEDERHANAAN	11	8
14	KESYUKURAN	1	1
15	RASIONAL	15	14
16	SEMANGAT KEJIRANAN	12	10

9.CADANGAN

9.1 : Kajian lanjutan dengan menggunakan kaedah dan alat ukur yang berlainan
 9.2 : Cadangan peningkatan amalan nilai murni di kalangan pelajar:

- 9.2.1 : Melalui kaedah penyerapan nilai murni dalam peng dan pem.
- 9.2.2 : Penyerapan nilai murni secara langsung
- 9.2.3 : Meningkatkan amalan nilai murni yang sedia ada
- 9.2.4 : Pelupusan nilai-nilai negatif di kalangan pelajar

BIBLIOGRAFI

Ab. Rahman Mahmud (1992). Kesan pendekatan Hayati – Amali terhadap pemahaman dan amalan nilai murni di kalangan pelajar tingkatan 1.
 Tesis Sarjana Pendidikan , Universiti Sains Malaysia.

Ab. Raof Dalip & Tamby Subahan Mohd Merah (1989). “Kemampuan guru menetapkan unsur- unsur nilai murni dalam mata pelajaran KBSM”.
Kertas kerja. Pembentangan di Kuala Lumpur pada 14 Ogos 1989.

Ahmad Mohd Said (1991) . “ Pendidikan sepada : Pelaksanaan penghayatan dan persoalan ”. Kertas kerja. Pembentangan di Maktab Perguruan Islam, Kuala Lumpur pada 3 Ogos .

Alan Harris (1976) . Teaching morality and religion . London :
George Allen & Unwin Ltd.

Allport et. Al (1961) . The study of value .
Boston : Houghton Mifflin

Pattern and growth in personality . New York : Hork & Winston Press.

Asmah Mohd Haaji Tiab & Abu Bakar Nordin (1982) . “ Moral education in Malayssia.
Evaluation in Education. Bil . 6, hal . 109 – 136 .

De Bono, J.D. (1970) . “ Lagguage, humanities and teaching of value”.
Modern langguange journal. Jln. 54, no. 5, May 1970, hal . 335 – 347 .

Fathi yakan (1988) . Apa ertinya saya menganut Islam. Kula Lumpur : Pustaka Salam.

Hamid Fahmy Zarkasyi (1990) . P emikiran al- ghazali : Tentang Pendidikan: Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hassan Langgulung (1980) . Manusia dan pendidiakan : Analisis psikologi dan
pendidikan. Jakarta: Pustaka Al – Husna.

Howe. H. (1987) . “Can school teach values”. Teachers college record.
Columbia University . bil. 89, hal . 256 – 264.

Iman Al- Ghazali (1966) . Ajaran – ajaran Akhlak, Surabaya: Penerbit Al- Ikhlas.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1990) . Falsafah Pendidiakn anegara, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

(1989). Pedidikan Bahasa Malaysia tingkatan 1;
huraian sukanan pelajaran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

(1982). Laporan jawatankusa kabinet mengkaji
pelaksanaan dasar pelajaran: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Laforce, B.A (1988) . “ A study of first – year teacher”s conceptual understanding, value
and implementataions of integrated languange arts”. Michigan State University
Dissertations Abstracts International . 50/ 04 - A.

Mohd Majid Kontong 91900). “ Kaedah penyelidikan pendidikan. Dewan Bahasa dasn
Pustaka.

Muktar Isamail 91989). ‘ Penilaian ciri- ciri afektif dalam KBM : Satu Pandangan.
Journal Pendidik dan pendidikan. USM Jld 10 , hal 61 – 73.

Muhammmad Abdullah Darraz (1987) . Prinsip akhlak berdasarkan Al – quran . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Universiti Kebangsaan Malaysia (1988). Seminar nilai murni merentas kurikulum.

Wilson, J (1969). Moral education and the curriculum: A guide for teacher and research workers. London : Pergamon Press.

Teuku Iskandar (peny . 1994) . Kamus Dewan . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.